



**MAHATHIR MOHAMAD dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali bersama penerima sumbangan dalam program *Back to School* di Sekolah Menengah Kebangsaan Kedawang, Langkawi, Kedah semalam. - BERNAMA.**

# Harga minyak ditentukan hari ini

um-2/1/2019  
m/s'2

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**

pengarang@utusan.com.my

## ■ LANGKAWI 1 JAN.

**K**ERAJAAN akan membuat keputusan mengenai harga petrol dan diesel dalam mesyuarat Kabinet esok selepas mendapatkan pandangan daripada pembeli dan pengusaha stesen minyak.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mahu menurunkan harga petrol dan diesel tetapi pada masa sama perlu mengambil kira masalah dihadapi golongan pengusaha berkenaan.

“Kita suka nak turun (harga minyak) tapi orang yang jual minyak pun nak kena buat duit sikit, kalau dia tak buat duit, dia tak jual minyak dan kita pun tak dapat minyak. Jadi, kita kena

pertimbang antara pembeli dengan penjual.

“(Lagipun) kita belum buat keputusan (harga), esok hari kita ada mesyuarat Kabinet dan kita akan tentukan harga minyak,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan peralatan persekolahan kepada 226 orang pelajar sekolah dalam program *Back to School* di Sekolah Menengah Kebangsaan Kedawang, di sini hari ini.

Semalam, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mengumumkan harga runcit minyak tidak akan berubah pada minggu pertama 2019 dengan RON97, RON95 dan diesel masing-masing kekal pada harga RM2.50, RM2.20 dan RM2.18 seliter.

Sementara itu, dalam isu lain, Dr. Mahathir menyambut baik hasrat rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong

yang mahu menangani semua isu-isu baharu dan yang sedang dihadapi antara kedua-dua negara itu secara tenang dan konstruktif.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai hubungan yang baik dengan Singapura, namun mengakui kadangkala terdapat masalah dengan republik itu yang diselesaikan secara rundingan.

“Saya mengalu-alukan kenyataan terbuka beliau. Ya, kita mempunyai hubungan baik dengan Singapura, ada masalah tapi boleh diselesaikan dengan rundingan dan bukan secara konfrontasi atau kecaman melalui media,” katanya.

Hsien Loong dalam amanat tahun baharunya berkata, Singapura dan Malaysia perlu menyelesaikan masalah-masalah dan memelihara hubungan secara keseluruhan.